

KENYATAAN MEDIA
5 SEPTEMBER 2023

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

Syarikat Didenda RM10,000.00 atas Kesalahan Bekal Elektrik Kepada Penyewa Tanpa Lesen

Putrajaya, 5 September 2023 – Mahkamah Sesyen Johor Bharu pada 28 Ogos 2023 yang lalu telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM10,000.00 ke atas syarikat Pioneer Heritage Sdn. Bhd. atas pertuduhan membekalkan elektrik kepada penyewa-penyewa premisnya tanpa memiliki lesen sah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

Syarikat tersebut dituduh di bawah subseksyen 9(1)(b) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM100,000.00 bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan. Wakil syarikat tersebut telah mengaku salah terhadap pertuduhan yang dibacakan.

Hakim Mahkamah Sesyen, Dato' Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim, telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM10,000.00 di mana wakil syarikat tersebut telah membayar denda yang dikenakan. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa ST, Nor Shahkierra Abd Manan manakala syarikat tersebut diwakili oleh peguamnya, Nurain Kamarudin.

Sebagai badan kawal selia sektor tenaga negara, ST sentiasa melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang pembekalan tenaga. ST berharap kes ini dapat memberi kesedaran kepada semua pihak berkenaan keperluan undang-undang dimana aktiviti pembekalan tenaga daripada mana-mana pemasangan tidak boleh dijalankan tanpa mendapatkan lesen yang sah daripada ST.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST juga memandang serius perkara ini kerana aktiviti seperti ini memberi kesan bukan sahaja kepada industri tenaga dari segi nilai, bahkan terhadap kestabilan sistem bekalan elektrik dan keselamatan awam. Sehubungan itu, ST sentiasa mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk memaklumkan berkenaan sebarang aktiviti pembekalan tenaga tanpa lesen, ke sistem eAduan ST yang boleh dicapai melalui laman web www.st.gov.my.

*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011 28866271 (Hazwani) / 018 3822545 (Harith)

Emel: veliana@st.gov.my / noorhazwani@st.gov.my / harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.